

Patuhi Akta 709, tangani isu kebocoran data peribadi

Tujuh Prinsip Perlindungan Data Peribadi sebagai asas pematuhan

Oleh **Latifah Arifin**
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kebocoran data peribadi lebih mudah berlaku sekiranya pengguna data tidak mematuhi dan mengabaikan prinsip serta standard perlindungan data peribadi, sebagaimana yang digariskan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

Pengguna data sama ada individu atau syarikat komersial, khususnya 13 golongan pengguna data yang wajib berdaftar di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) yang baru-baru ini.

ada kena-mengena seperti nama anak dan isteri, calon yang memohon,” katanya pada Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) yang dianjurkan oleh Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP), baru-baru ini.

Mazmalek berkata, Prinsip PDP yang tidak kurang penting ialah Prinsip Penzahiran yang mana pengguna data perlu memaklumkan kepada pelanggan sekiranya data peribadi pelanggan dikongsi dengan pihak ketiga.

Sebagai contoh, pihak bank mesti menyatakan dalam notis perlindungan data peribadi berkenaan perkongsian data pelanggannya, misalnya dengan syarikat penarik kereta atau pihak lain.

“Selain itu, Prinsip Keselamatan juga perlu dititikberatkan. Pengguna data perlu mengambil langkah melindungi data peribadi pelanggannya daripada hilang, disalah guna, terdedah kepada akses tidak dibenarkan atau tidak disengajakan.

“Antara prinsip penting dalam Prinsip PDP ialah pengguna data tidak boleh memproses data peribadi tanpa persetujuan subjek data yakni pemilik data peribadi dan perlu memaklumkan tujuan sesuatu data peribadi itu dikumpulkan.”

Mazmalek Mohamad,
Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia



maklumkan bahawa draf pindaan Rang Undang-undang (RUU) Akta 709 dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada Oktober ini.

“Terdapat beberapa perubahan dicadangkan dalam usaha memperkasakan Akta 709. Antaranya, mewajibkan pelantikan sekurang-kurangnya seorang Pegawai Perlindungan Data (Data Protection Officer) oleh pengguna data yang wajib berdaftar di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) yang baru-baru ini.

apabila kami datang untuk pemantauan. Semua data peribadi pengguna yang sudah tamat tempoh simpanan mesti dilupuskan secara kekal.

“Gunakan kaedah pemusnahan yang bersesuaian, dengan syarat data tersebut tidak boleh dicapai semula. Begitu juga dengan pangkalan data elektronik, wajib dipadamkan. Maknanya, apabila data tersebut dihapuskan, ia tidak boleh dipulihkan semula.”

perhotelan, Kenny Poon yang mengikuti persidangan itu berkata, banyak maklumat penting mengenai kaedah melindungi data peribadi diperoleh menerusi program berkenaan.

“Amat jelas kepentingan melantik seorang DPO bagi sesebuah syarikat. Saya juga menyokong pindaan yang akan mewajibkan semua syarikat yang berkaitan melantik pegawai khusus bagi tujuan itu.

“Selain melindungi hak pemilik data atau pelanggan, ia juga boleh memastikan pengawasan lebih ketat dapat dilaksanakan oleh pihak pengguna data,” katanya.

Pengurus di sebuah agensi pekerjaan swasta, Shaveetha Dianiathi 34, menyarankan agar lebih banyak syarikat perlu berdaftar dengan JPDP mengambil kira peningkatan kes kebocoran data yang berlaku selaras dengan kecanggihan teknologi semasa.

bawah Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia termasuk komunikasi, pelancongan dan hospitaliti, kesihatan, pendidikan, insurans, jualan langsung serta perbankan mempunyai tanggungjawab besar dalam memastikan data peribadi pengguna selamat daripada dimanipulasi atau diceroboh.

Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia, Mazmalek Mohamad, berkata kebanyakan kes kebocoran data peribadi berlaku apabila ada kelemahan kawalan dalaman oleh sesebuah organisasi (pengguna data), termasuk kecuiaan dalam kalangan kakitangan yang mengendalikannya.

“Disebabkan itu perubahan terhadap tujuh Prinsip Perlindungan Data Peribadi (PDP) di bawah Akta 709 amat penting. Ia bagi memastikan data peribadi pelanggan yang berada dalam simpanan sentiasa terjaga.

“Antara prinsip penting dalam Prinsip PDP ialah pengguna data tidak boleh memproses data peribadi tanpa persetujuan subjek data iaitu pemilik data peribadi dan perlu memaklumkan tujuan sesuatu data peribadi itu dikumpulkan.

“Di samping itu, pengguna data tidak boleh mengutip data peribadi secara berlebihan. Daripada pemerhatian kami, ada syarikat yang mengumpul data peribadi pengguna lebih daripada diperlukan.

“Sebagai contoh, syarikat yang hendak mengambil pekerja baharu, pada peringkat awal perlu minta data peribadi yang perlu sahaja dalam borang permohonan jawatan kosong, tidak perlu minta data peribadi yang tidak

kesalahan kerana menggunakan Prinsip Keselamatan adalah kesalahan yang sering dilakukan oleh pengguna data dan tindakan kompaun pernah dikenakan ke atas syarikat telco dan syarikat penerbangan.

“Dalam kes ini, kita dapati pengguna data tidak mengambil langkah praktikal dalam memastikan keselamatan data peribadi pelanggannya sehingga menyebabkan data peribadi dizahirkan kepada pihak ketiga tanpa persetujuan pemilik data.

RUU dibentang Oktober ini

“Sehubungan itu, saya mengesahkan agar semua pengguna data lebih berhati-hati dalam pengendalian data peribadi pelanggan,” katanya.

Mengulas mengenai pindaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709), Mazmalek me-

lupakan Protection Officer, (DPO) oleh pengguna data dan pemproses data; mewajibkan pengguna data melaporkan insiden ketirisan data peribadi kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi, mengenakan penalti kepada pemproses data atas kegagalan melindungi data peribadi serta *data portability* iaitu hak subjek data untuk membenarkan pemindahan data peribadi antara pengguna data atas tujuan yang sama,” katanya.

Sementara itu, Penolong Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi, Sharil Mazmi Mohd Sharif, ketika mengupas mengenai Standard Perlindungan Data Peribadi 2015 mengingatkan pengguna data supaya tidak mengabaikan aspek pelupusan data peribadi pelanggan.

“Ini antara kesalahan mudah yang dibuat oleh banyak syarikat

mat transaksi mengikut terma perjanjian, data peribadi pengguna mesti dipadam, melainkan ada peruntukan undang-undang lain yang membenarkan penyimpanannya,” katanya.

Beliau turut menyarankan supaya pengguna data menetapkan satu prosedur operasi standard (SOP) mengenai tempoh penyimpanan sesuatu data.

“Jika tiada undang-undang mengenai tempoh penyimpanan, perlu dibuat SOP khusus. Sekiranya disimpan terlalu lama, ini juga akan menambah kos. Disebabkan itu, penting dalam notis perlindungan data peribadi diperincikan khususnya mengenai tujuan data dikumpulkan, berapa lama tempoh penyimpanan dan turut memberitahu jika ia dikongsi dengan pihak ketiga,” katanya.

Sementara itu, pekerja sektor

Syor hadkan akses

“Pada saya semua syarikat komersial perlu mengambil serius soal perlindungan data peribadi kerana kebocoran data boleh berlaku pada bila-bila masa tanpa isyarat. Sebaik-baiknya ambil langkah berjaga-jaga termasuk dengan mematuhi prinsip yang ditetapkan di bawah Akta 709.

“Selain itu, pengurusan pekerja juga perlu lebih dititikberatkan, misalnya menghadkan akses terhadap data peribadi pelanggan kepada pekerja tertentu bagi mengelakkan berlaku kebocoran data peribadi,” katanya.

Setiap tahun, Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) yang juga agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) menganjurkan Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 709) kepada 13 golongan pengguna data yang wajib berdaftar dengan pesuruhjaya, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan di seluruh Malaysia.

Persidangan ini dianjurkan bertujuan untuk memberi penerangan lanjut mengenai pematuan Akta 709 dan menjadi platform perhubungan antara pengguna data dan pihak JPDP dalam mengemukakan pandangan serta isu berkaitan perlindungan data peribadi.

Sehingga 25 Julai 2022, sebanyak 15 siri persidangan telah dianjurkan di seluruh negara antaranya di Melaka, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Negeri Sembilan dan Terengganu. Manakala, sepanjang tahun lalu, sebanyak 17 siri persidangan telah dianjurkan di seluruh negara dengan jumlah seramai 1,474 peserta.



Antara peserta yang hadir pada Persidangan Perlindungan Data Peribadi di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

(Foto Saifullizan Tamadi /BH)